

14/12/1998

Pelantikan TPM belum diputuskan

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih belum memutuskan sama ada untuk melantik Timbalan Perdana Menteri sebelum pemilihan pucuk pimpinan Umno tahun depan.

"Saya tak tahu. Saya belum membuat apa-apa keputusan lagi," katanya ketika ditanya mengenai pelantikan Timbalan Perdana Menteri baru dalam sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Khas Umno petang ini.

Bagaimanapun Perdana Menteri mengakui, selain menteri besar, banyak pihak lain turut memberi pandangan mengenai pelantikan itu.

"Saya dah buat kenyataan bahawa saya akan tunggu sehingga pemilihan tahun depan tetapi ramai yang mempunyai pendapat berbeza kerana ia terlalu lama... jika sesuatu berlaku kepada saya, apa yang akan berlaku.

"Saya mendengar semua pandangan itu," katanya yang turut menafikan laporan bahawa wujud permintaan anggota Dewan Rakyat supaya Timbalan Perdana Menteri baru dilantik.

Mengenai keperluan untuk melantik Timbalan Perdana Menteri sebagai satu kepentingan negara, Dr Mahathir yang juga Timbalan Presiden Umno menjelaskan, ada pelbagai pendapat berbeza.

"Ada yang berkata adalah lebih baik kita tunggu pemilihan parti. Ada berpendapat pada masa dulu kita tunggu parti.

"Mereka mengingatkan saya bahawa saya sendiri dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri sebelum Timbalan Presiden dipilih," katanya.

Mengenai kriteria bakal timbalannya nanti, Perdana Menteri secara berseloroh berkata, beliau mahukan timbalan yang serupa dengan dirinya jika boleh.

"Tetapi itu tidak mungkin. Tetapi yang utama ialah dasar, bukan mengutamakan personaliti sangat," katanya.

Ditanya sama ada beliau sudah mengenal pasti calon seperti yang diinginkannya itu, Dr Mahathir berkata: "Agak ramai, sesetengah memenuhi sebahagian ciri itu, yang lain pula memenuhi bahagian lain."

Mengenai pindaan perlembagaan yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung Khas hari ini, Presiden Umno menjelaskan, ia bertujuan mengelak politik wang.

Menurutnya, seperti ditekankan dalam ucapan beliau sebelum persidangan itu, parti memerlukan budaya Umno yang lebih kukuh dalam memastikan tidak wujud penyelewengan.

(END)